



**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN EKONOMI**

Aras 8, Menara PRISMA, No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
MALAYSIA

Tel : 603-8090 2006
Faks : 603-8090 2300
Laman Web : www.epu.gov.my
E-mel : norazmie@epu.gov.my

Ruj. Kami : EPU.S.100-6/4/98 (15)
Tarikh : 28 Ogos 2023

YBhg. Datuk Seri Isham Ishak

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Menara MITI, No.7,
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 KUALA LUMPUR, MALAYSIA.

YBhg. Datuk Seri,

**PENYALURAN DANA KHAS KEMENTERIAN EKONOMI BAGI
PELAKSANAAN PROGRAM ACADEMY IN INDUSTRY (AiI) TAHUN 2023**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk Seri sedia maklum, **Mesyuarat PEMUDAH Bil. 2/2023** pada **10 April 2023** telah bersetuju supaya Kementerian Ekonomi menyediakan dana yang bersesuaian untuk meningkatkan skala pelaksanaan Program *Academy in Industry* (AiI) yang merupakan kesinambungan dari Program Pembangunan Bakat Tempatan Bagi Menyokong Ekosistem E&E (*Academy in Factory* dan *Train and Place*). Jemaah Menteri juga telah dimaklumkan mengenai program ini pada 12 April 2023. Pelaksanaan program ini melibatkan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Ekonomi.

3. Bagi pelaksanaan program ini pada tahun 2023, Kementerian Ekonomi telah menyediakan peruntukan berjumlah RM43,275,000 dari Dana Khas Tahun 2023 di bawah Kementerian Ekonomi kepada MPC, MITI untuk tujuan ini. Sehubungan itu, Kementerian Ekonomi akan melaksanakan penyaluran

peruntukan tersebut secara *electronic funds transfer* (EFT) terus kepada MPC seperti perincian berikut:

Skop	Siling Kos 2023 (RM)
i. Strategi Komunikasi Peningkatan Daya Saing Bakat Industri Masa Hadapan	1,045, 000.00
ii. Pembangunan Modul Industri	2,050,000.00
iii. Menaiktaraf Sistem Pengurusan Academy <i>In Industry</i> (Ail) & Pembangunan Aplikasi Mudah Alih	180,000.00
iv. Insentif SLDN-Ail	40,000,000.00
Jumlah	43,275,000.00

4. Dalam hubungan ini, dengan sukacita Kementerian Ekonomi memohon kerjasama pihak YBhg. Datuk Seri untuk mengambil maklum dan tindakan sewajarnya untuk meningkatkan program Ail oleh MPC di samping memastikan pelaksanaan projek adalah seperti yang dirancang.

5. Segala kerjasama YBhg. Datuk Seri dalam hal ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' NOR AZMIE BIN DIRON)

s.k.:

Ketua Pengarah

Malaysia Productivity Corporation

Lorong Produktiviti, Jalan Sultan

46200 PETALING JAYA, SELANGOR

(u.p.: Dr. Mazrina Mohamed Ibramsah)